


Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN No.(A)/400-14/1246/(244)

19 Jun 2002

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 7 TAHUN 2002
POTONGAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS SARAAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM
MULAI TAHUN 2002**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kaedah melaksanakan potongan cukai bulanan ke atas saraan anggota perkhidmatan awam mengikut kadar tahun 2002 yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

2. KAEDAH PELAKSANAAN

- 2.1 Jabatan ini akan membuat potongan cukai ke atas saraan anggota perkhidmatan awam yang layak dikenakan cukai bagi gaji mereka yang dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP), termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri, secara automatik mengikut kadar Potongan Cukai Berjadual (PCB) yang baru mulai bulan Jun 2002.
- 2.2 Semua Ketua Jabatan disarankan untuk melaksanakan penggunaan kadar Potongan Cukai Berjadual yang tersebut di perenggan 1.1 di atas bagi semua bayaran saraan yang dibuat melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB) secara manual mulai Jun 2002.
- 2.3 Sila ambil perhatian tentang penggunaan kod potongan saraan tahun semasa untuk cukai pendapatan yang dibayar melalui SGP seperti berikut:-

2.3.1 Kod potongan 810 (CUKAI) hanya digunakan khas untuk pendapatan bulanan biasa dan dikawal oleh Sistem Gaji Pusat secara automatik berasaskan jadual potongan cukai pendapatan yang telah diprogram (diisi) mengikut perubahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dan mengikut maklumat peribadi serta saraan pekerja yang terdapat dalam sistem.

2.3.1.1 Sila maklum bahawa untuk mendapatkan kadar potongan cukai pendapatan yang tepat ke atas saraan pekerja yang dibayar melalui SGP kod cukai pendapatan seperti yang dikehendaki dalam Butiran 113 Borang PAY-A1 (Pin.96) mestilah diisi dengan betul dan kemaskini. Segala pembetulan/perubahan hendaklah menggunakan Borang Input tersebut dan dihantar mengikut jadual yang telah ditetapkan untuk penghantaran input bulanan tahun 2002. Sila lihat Lampiran 'A' iaitu Kod Cukai Pendapatan Untuk Kegunaan Borang PAY – A1 (Pin.96) yang terkini sebagai rujukan dan simpanan tuan selanjutnya.

2.3.2 Kod potongan 811 (CUKAI TAMBAHAN) tidak dikawal oleh Sistem Gaji Pusat. Sehubungan itu, sekiranya ada tambahan cukai dikenakan atau tambahan cukai atas permintaan pekerja sendiri maka Jabatan bolehlah menggunakan kod ini.

3. CUKAI PENDAPATAN DIKENAKAN/DIHENTIKAN SECARA AUTOMATIK

3.1 Cukai pendapatan akan dikenakan secara automatik apabila pendapatan bulanan pekerja mencecah lingkungan jumlah pendapatan bulanan untuk dikenakan cukai mengikut jadual Lembaga Hasil Dalam Negeri atau potongan cukai akan dihentikan secara automatik jika pekerja tidak termasuk dalam gulungan untuk membayar cukai.

4. JADUAL POTONGAN CUKAI PENDAPATAN BULANAN

4.1 Jadual dan syarat-syarat lengkap yang terkini mengenai potongan cukai pendapatan hendaklah diperolehi terus dari pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri.

5. **PENUTUP**

Jika ada sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus kepada Seksyen Gaji Dan Pencen, Jabatan ini melalui nombor telefon 088-255628, 257111 atau e-mel Sabah Net : acc.i.jbn@sabah.gov.my untuk mendapat maklumat atau penjelasan lanjut.

Sekian dan harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH,CEKAP DAN AMANAH"
" BERJIMAT DAN MENABUNG AMALAN MULIA"



(PHILIP N.K.CHIU)
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan Kanan - Encik Denis Mejin)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan Kanan - Cik Phak Shiu Len)

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

(u.p: Akauntan Kanan - Encik Rusdin Riman)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan - Encik John Angelo)

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wisma kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p: Pegawai Sistem Maklumat - Cik Cecilia Chang)

s.k. **Semua Bendahari Daerah**

MGAR/nb.

Ruj : JBN: (A)/400-14/1246/(244)

19 Jun 2002

**KOD CUKAI PENDAPATAN UNTUK KEGUNAAN BORANG PAY-A1 (Pin. 96) – DAFTAR GAJI
PEMBERITAHUAN PENGEMASKINIAN BUTIR-BUTIR PERIBADI**

**Kod
Cukai
Pendapatan**

Perihal

01	Bujang (Lelaki Dan Perempuan)
	Untuk Berkahwin Di Mana Isteri/Suami Tidak Bekerja

10	Kahwin
11	Berkahwin dan Mempunyai 1 orang anak
12	Berkahwin Dan Mempunyai 2 orang anak
13	Berkahwin Dan Mempunyai 3 orang anak
14	Berkahwin Dan Mempunyai 4 orang anak
15	Berkahwin Dan Mempunyai 5 orang anak
16	Berkahwin Dan Mempunyai 6 orang anak
17	Berkahwin Dan Mempunyai 7 orang anak
18	Berkahwin Dan Mempunyai 8 orang anak
19	Berkahwin Dan Mempunyai 9 orang anak
1A	Berkahwin Dan Mempunyai 10 orang anak

Untuk Berkahwin Di Mana Isteri/Suami **Bekerja**

20	Kahwin
21	Berkahwin Dan Mempunyai 1 orang anak
22	Berkahwin Dan Mempunyai 2 orang anak
23	Berkahwin Dan Mempunyai 3 orang anak
24	Berkahwin Dan Mempunyai 4 orang anak
25	Berkahwin Dan Mempunyai 5 orang anak
26	Berkahwin Dan Mempunyai 6 orang anak
27	Berkahwin Dan Mempunyai 7 orang anak
28	Berkahwin Dan Mempunyai 8 orang anak
29	Berkahwin Dan Mempunyai 9 orang anak
2A	Berkahwin Dan Mempunyai 10 orang anak

NOTA: Perkataan 'Anak' Tersebut Di Atas ialah Anak Sahtaraf Masih Dalam Tanggungan Mengikut Takrif Lembaga Hasil Dalam Negeri.